

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 05 April 2017 16:25
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: CoE perlu Ada Fokus Jelas dan Relevan Kepada Keperluan Semasa



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



5 APRIL 2017 / 8 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

CoE PERLU ADA FOKUS JELAS DAN RELEVAN KEPADA KEPERLUAN SEMASA



UUM ONLINE: Pusat Kecemerlangan (CoE) UUM perlu menetapkan fokus yang jelas dalam bidang tujahan (niche area) supaya menjadi relevan kepada industri, masyarakat dan negara mengikut keperluan semasa.

Sehubungan itu, Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, CoE harus mempunyai perancangan jangka masa pendek dan panjang sekurang-kurangnya bagi tempoh lima tahun akan datang untuk berubah menjadi CoE bertaraf kebangsaan.

"Bagaimanapun, perancangan jangka masa pendek juga perlu *'work out'* dalam satu hingga 2 tahun ini dengan menunjukkan hasil daripada penyelidikan atau penerbitan oleh penyelidik UUM.

"Setiap penyelidikan ini pula bergantung kepada CoE yang berperanan menjadi landasan untuk menghasilkan lebih banyak penyelidikan berimpak tinggi," katanya ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Strategik dan Pencapaian CoE (JKCoE) Kali Pertama di Bilik Senat, pagi tadi.

Ujar beliau lagi, universiti yang berjaya dalam bidang penyelidikan adalah universiti yang mempunyai CoE sendiri untuk mengorak lebih jauh dalam bidang itu.

Menurutnya, JKCoE itu akan adakan setiap suku tahun bagi melihat progres atau pencapaian CoE yang terdiri enam (6) University Centres of Excellence (U-CoE), 21 Schools Centres of Excellence (SCoE) dan 31 Unit Penyelidikan (RU).

Pada mesyuarat itu, antara U-CoE yang membuat pembentangan awal adalah Asian Research Institute of Corruption (ARIC) dan Asian Research Institute of Finance and Banking (ARIFB) yang mana masing-masing dibentangkan oleh Prof Madya Dr Hairuddin Megat Latif dan Dr Irwan Shah Zainal Abidin.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Noor Azizi Ismail; Pengarah RIMC, Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani dan pegawai-pegawai kanan UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.